



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	4/1/2013

# Mahathir terap nilai komunis dalam Umno?

Harakah - 4/1/2013

**KUALA LUMPUR:** Bekas Ketua Umno Bahagian Tanjung Aru, Dato' Yahya Lampong pernah menasihatkan bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad agar tidak mentadbir parti itu seperti mentadbir komunis.

Yahya yang ditemui *Harakah* dalam wawancara khas di Kota Kinabalu 29 Disember lalu berkata, nasihat itu disampaikan kepada Mahathir dalam satu pertemuan pada tahun 1995.

"Pada tahun 1995 saya jumpa Mahathir dan kata kepada Mahathir agar jangan buat Umno macam parti komunis, saya cakap dengan dia jangan tadbir Umno macam tadbir parti komunis,

"Ahli-ahli yang menghidupkan Umno dahulu Umno yang pentingkan bangsanya, tetapi Mahathir ini Umno yang kroni



(pentingkan kroni),

"Sebab itu (tegur) Mahathir marah. Pada tahun 2000, ada pemilihan parti, dia gantung saya, dia tuduh saya beri wang kepada perwakilan, sedangkan saya memang menang tanpa bertanding, macam mana beri duit kepada perwakilan?," soal Yahya meluahkan rasa kecewanya dengan sikap Mahathir.

Malah Yahya berkata, Mahathir juga menuduh beliau sebagai 'orang Anwar' (individu

yang baik dengan Dato' Seri Anwar-ketika itu Timbalan Presiden Umno).

Selain itu kata Yahya, Mahathir mengamalkan kronisme di Sabah khususnya dalam melantik Ketua Menteri Sabah (Dato' Seri Musa Aman) yang sebenarnya tidak bersih.

Setelah dituduh dengan pelbagai tuduhan, Yahya akhirnya bertindak tidak mahu aktif dengan Umno hingga pada September 2012, beliau keluar Umno dan tidak lagi yakin dengan Umno.

Ditanya mengenai peluang Pakatan Rakyat dalam PRU13 di Sabah, Yahya berkata, sokongan kepada Pakatan Rakyat semakin kuat dan menebal.

"Di Sabah ini, pada ketika ini, kelompok kaum Kadazan

Dusun Murud (KDM), KDM ini rata-rata tiada peluang jadi Ketua Menteri di sini menyebabkan mereka marah, ditambah dengan kemarahan kaum Cina dan kaum Bajau yang melihat seolah-olah Sabah ini diibaratkan seperti negeri dalam Semenanjung sebab Umno ada sini.

"Kita tidak boleh buat apa-apa. Bila perkara ini berlaku, tunggu masa sahajalah (rakyat akan ubah), kerana rakyat kini ada pilihan," katanya lagi.

Ujar Yahya, kaum Cina kini telah memiliki alternatif dengan adanya DAP dan orang Bajau serta Islam khususnya kini sudah ada pilihan dengan masuknya PAS ke Sabah.

Selain itu kata beliau, rakyat Sabah sendiri sudah muak dengan sistem kronisme yang

diamalkan Musa Aman yang membina kekayaan untuk diri dan kroninya sahaja.

Terlalu banyak isu yang tidak dapat diselesaikan oleh Musa Aman antaranya isu kuasa autonomi, pengundi hantu dan kemiskinan yang menyebabkan rakyat semakin tidak yakin dengan BN.

Beliau juga yakin Sabah akan berjaya diperintah Pakatan Rakyat dalam PRU13 dan kerana itu beliau pada usia lebih 70 tahun kini semakin sihat untuk membantu dan melihat perubahan yang bakal berlaku.

Katanya lagi, jika Sabah berubah, Sarawak juga akan melakar perubahan di peringkat Parlimen bagi menjayakan misi Pakatan Rakyat ke Putrajaya.